

**UPACARA PERLETAKAN BATU ASAS KILANG BARU PERODUA & PELANCARAN
VARIAN "S" SERIES**

13/03/2013

KILANG PERODUA, SUNGAI CHOH, RAWANG

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Dato Sri Mustapa Mohamed
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Yang Berhormat YB Tuan P. Kamalanathan
Ahli Parlimen Hulu Selangor

Yang Berbahagia Tan Sri Asmat Kamaludin
Pengerusi Perodua

Mr Koichi Ina
Presiden Daihatsu Motor Company Japan

Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid Salleh
Pengarah Urusan Perodua

Mr Yatsumitsu Morita
Pengarah Urusan Perodua Auto Corporation

Ahli Lembaga Pengarah Perodua dan UMW Holdings Bhd

Staf Perodua yang dihormati

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi.

1. Terima kasih saya ucapkan kepada Perodua kerana mengundang dan memberi penghormatan kepada saya untuk meletakkan batu asas kilang baru Perodua dan juga melancarkan siri varian baru model Perodua.

2. Suatu ketika dahulu, industri automotif dikuasai oleh pihak Barat. Dengan bermulanya inovasi bidang automotif oleh pihak Jepun, industri ini telah berjaya dikembangkan di Asia. Kini, Malaysia amat berbangga kerana mempunyai industri automotif kita sendiri yang dapat bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa.

3. Industri automotif adalah industri "anchor" yang amat penting dalam menjana perkembangan industri sokongan lain seperti industri pembuatan komponen, rangkaian pengedaran, perbankan, insurans dan petroleum – antara contoh-contoh yang ada.

4. Kita semua tahu bahawa Perodua telah berjaya melakarkan sejarah di bidang industri

automotif negara sejak 20 tahun lalu. Pencapaian Perodua dalam menakluki pasaran amat membanggakan, di mana rata-rata kita dapat lihat kenderaan keluaran syarikat ini berada di setiap pelusuk negara dan menjadi kegemaran ramai rakyat Malaysia. Objektif utama ketika penubuhan syarikat ini untuk menghasilkan kenderaan kompak yang berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan untuk pasaran Malaysia telah melangkaui jangkauan dan dikagumi oleh semua rakyat Malaysia. Dengan itu setinggi-tinggi ucapan syabas diucapkan.

5. Kisah kejayaan Perodua ini juga satu testimoni yang menunjukkan bahawa perkongsian bijak membuahkan hasil yang amat baik bila termeterinya kerjasama antara syarikat Malaysia dengan syarikat automotif Jepun yang amat tersohor iaitu Daihatsu Motor Company Japan. Dengan sokongan dan galakan berterusan yang sentiasa diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, saya percaya banyak lagi kejayaan akan ditempa melalui perkongsian bijak ini dalam tahun-tahun akan datang.

6. Kini, pelaburan besar sebanyak RM 790 juta diperuntukkan oleh syarikat bagi memastikan perkembangan operasi dengan pembinaan kilang baru di atas tanah seluas 65,000 meter persegi dapat dilakukan dengan jayanya yang kelak akan menghasilkan 1,200 peluang pekerjaan baru dalam satu-satu shif kerja. Pertambahan varian model kenderaan juga mempamerkan langkah dan perancangan yang begitu rapi dan tersusun dalam usaha untuk menjadi pemacu dan peneraju industri automotif di peringkat nasional dan juga serantau. Perkembangan yang melibatkan pelaburan yang besar ini menunjukkan komitmen syarikat untuk terus menerajui industri automotif, sekali gus menambah peluang pekerjaan serta kegiatan ekonomi di bidang automotif dan berkaitan.

7. Saya dimaklumkan bahawa sehingga Februari 2013, lebih 2 juta unit (2,259,596 unit) kenderaan Perodua telah berjaya dijual di pasaran domestik. Dalam tempoh yang sama, eksport kenderaan CBUnya meliputi 51,196 unit jenama Perodua dan juga Daihatsu ke tujuh buah negara. Di samping itu, syarikat juga mengeksport komponen enjin ke tiga buah negara, termasuk Jepun. Kejayaan ini melambangkan kesungguhan dan kerja kuat serta semangat dan dedikasi seluruh warga Perodua untuk memastikan kualiti produk dan perkhidmatan di tahap yang terbaik.

8. Warga Perodua sekalian seharusnya amat berbangga kerana pencapaian ini sebenarnya adalah hasil daripada semangat kerja kuat dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan dalam memajukan syarikat. Sikap passionate dan kejayaan syarikat pula menyumbang kepada kejayaan industri automotif negara dan seterusnya menyumbang kepada usaha untuk melakarkan Malaysia menuju negara maju menjelang tahun 2020.

9. Kerajaan Malaysia sentiasa memastikan supaya sokongan kepada keperluan industri automotif terus diberikan kerana ianya merupakan industri yang amat penting bagi penjana aktiviti ekonomi negara. Ini ternyata dapat dilihat menerusi penubuhan 2 buah syarikat automotif nasional yang telah berjaya menyumbang kepada pembangunan negara.

10. Berdasarkan data yang diterima oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sejumlah 250,000 pekerjaan dapat diwujudkan dengan adanya syarikat-syarikat automotif di negara ini.

11. Sejak awal tahun 1980-an lagi, pihak kerajaan telah merancang dan melaksanakan pelbagai polisi serta strategi dan inisiatif untuk membangunkan industri ini yang terdiri daripada syarikat pengeluar kenderaan, vendor-vendor serta pengedar-pengedar sah supaya suatu hari nanti mereka dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan mana-mana syarikat automotif antarabangsa yang lain. Yang Amat Berbahgia Tun Dr Mahathir Mohamed, Mantan Perdana Menteri telah mempunyai pandangan jauh kerana dengan adanya syarikat automotif nasional, negara ini dapat mengembangkan sektor industri dengan lebih luas.

12. Kita juga tidak dapat lari dari menghadapi cabaran dunia globalisasi hari ini. Dengan wujudnya persekitaran persaingan global yang amat kompetitif, adalah mustahak bagi syarikat-syarikat pengeluar kenderaan tempatan untuk menjadi lebih kompetitif dan bersiap-siaga dengan cabaran-cabaran yang semakin hebat. Syarikat pengeluar kenderaan tempatan khususnya Perodua perlu memastikan fokus yang berterusan untuk menjadi sebuah syarikat yang berorientasikan global, dan bukan semata-mata hebat di pasaran domestik sahaja. Saya percaya Perodua mampu melakukannya dan ia akan menjadi sebuah jenama yang dikenali dan disegani di peringkat global.

13. Masa juga hampir tiba di mana industri automotif negara perlu diliberalisasikan. Dalam hal ini, adalah penting syarikat-syarikat pengeluar kenderaan memperkukuhkan lagi aktiviti-aktiviti syarikat untuk memastikan mereka dapat terus mampu beroperasi dan bersaing apabila industri automotif negara semakin diliberalisasikan berikutan komitmen negara di peringkat antarabangsa seperti dalam Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

14. Pembukaan pasaran tempatan kepada kemasukan kenderaan, komponen dan alat ganti kenderaan, terutamanya dari ASEAN kini memberi persaingan kepada syarikat-syarikat tempatan yang banyak bergantung kepada pasaran tempatan. Justeru, syarikat-syarikat ini, khususnya pengeluar kenderaan nasional perlu meningkatkan lagi persediaan bagi menghadapi cabaran masa hadapan dengan merebut peluang eksport yang diwujudkan melalui Perjanjian FTA.

15. Sukacita juga saya mengambil maklum penerangan dari pihak pengurusan Perodua mengenai rancangan 5 tahun mereka yang mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan saya percaya Perodua akan terus berjaya walaupun selepas pasaran diliberalisasikan sepenuhnya kelak.

16. Dalam melaksanakan liberalisasi sepenuhnya, kerajaan telah melakarkan rancangan untuk memastikan perubahan yang bakal dilalui adalah saksama untuk semua. Perubahan yang teratur adalah perlu kerana perubahan yang mendadak akan memberi impak yang besar kepada ekosistem automotif negara.

17. Pihak kerajaan telahpun mengumumkan bahawa industri ini akan diliberalisasikan dengan penuh teratur dan bertanggungjawab. Justeru, kita telah dapat lihat penurunan harga model kenderaan secara berperingkat-peringkat sebanyak 3% hingga 5%, atau sebanyak RM2,200 hingga RM17,000 bagi kenderaan baru dalam suku ke-empat tahun 2012. Penurunan ini merupakan hasil usaha perbincangan pihak kerajaan dengan syarikat. Ianya juga merupakan permulaan kepada rancangan jangka panjang kerajaan untuk menurunkan harga kenderaan. Ingin

saya tegaskan di sini bahawa penurunan harga kereta secara mendadak akan menjejaskan pembangunan industri ini secara keseluruhan dan mempunyai impak ke atas pembangunan ekonomi negara.

18. Pihak Kementerian Antarabangsa dan Industri juga telah pun mengumumkan bahawa kerajaan ingin menjadikan negara ini sebagai pengeluar kenderaan jimat tenaga atau Energy Efficient Vehicles (EEV).

19. Acara perletakan batu asas kilang baru Perodua yang saya sempurnakan sebentar tadi juga melambangkan bahawa Perodua sedang bersiap-sedia untuk menghadapi syarat-syarat EEV ini dan seterusnya menjadikan ia pengeluar utama kenderaan jenis ini di rantau Asean.

20. Tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan sentiasa memberikan sokongan padu terhadap perkembangan industri automotif di negara ini. Pihak industri, khususnya syarikat pengeluar kenderaan nasional seperti Perodua perlu terus menyokong usaha Kerajaan dengan membantu pembangunan industri sokongan seperti pengeluar komponen dan alat ganti tempatan. Adalah wajar aspek teknologi yang inovatif seperti EEV yang menepati citarasa dan permintaan pasaran semasa turut diberi keutamaan dalam membangunkan pengeluar-pengeluar komponen dan alat ganti tempatan supaya mereka turut menyumbang kepada pembangunan kenderaan EEV.

21. Dalam hal ini, saya menyeru supaya Perodua membantu syarikat-syarikat ini untuk menjalan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan komponen EEV selaras dengan hala tuju kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab bagi EEV. Ini dapat membantu syarikat-syarikat tersebut untuk lebih berdaya saing bukan sahaja dalam industri automotif tempatan, malah boleh menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat automotif gergasi di peringkat serantau dan global.

Tuan-tuan sekalian,

22. Ini merupakan kali ke-3 saya melancarkan produk Perodua; yang pertama semasa pelancaran model ALZA pada tahun 2009 dan seterusnya adalah pelancaran Myvi pada bulan Jun 2011. Pelancaran varian-varian "S Series" terbaru Perodua ini pula adalah simbol kejayaan Perodua yang telah bertapak di industri automotif negara selama 20 tahun lamanya. Pelancaran varian-varian yang dikenali sebagai "S Series" ini mencipta tahap pencapaian baru bagi Perodua dari segi harga dan posisi produk di pasaran. Varian-varian ini akan memberi rakyat Malaysia lebih banyak pilihan.

23. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Perodua kerana memberi saya penghormatan ini. Semoga usaha anda semua memberi kejayaan untuk tahun-tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.